KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	04.03.22	MUKA SURAT	:	29
JABATAN	:	TNB			

Hujan lebat, gelinciran tanah punca banjir puing

Kerajaan nafi wujud aktiviti pembalakan di kawasan terjejas

Oleh NORHASPIDA YATIM

KUALA TERENGGANU

Hujan lebat mencecah 1,000 milimeter (mm) dan gelinciran tanah menjadi punca berlakunya banjir puing di kawasan Sungai Terengganu berhampiran Stesen Janakuasa Hidroelektrik Sultan Mahmud, Tasik Kenyir pada Ahad lalu.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar berkata, kerajaan sudah mendapat laporan penuh daripada Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu pada Khamis dan mendapati tiada aktiviti pembalakan di kawasan kejadian.

"Gelinciran tanah menyebabkan kejadian tanah runtuh yang membawa sisa-sisa kayu, serpihan dan tumbuhan hanyut dikenali sebagai puing.

"Ini disebabkan faktor hujan lebat yang turun selama lima hari berturut-turut bermula 23 hingga 27 Februari yang mencecah 1,000mm," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Khamis.

Menurut Ahmad Samsuri, gelinciran tanah runtuh yang dikesan dianggarkan bersaiz 100 meter panjang, 50 meter lebar dan tebal antara 5 hingga 10 meter.

Beliau berkata, aliran puing yang bergerak dari puncak bukit hingga ke Sungai Terengganu pula ada yang mencapai sehingga 300 meter panjang.

"Kerja-kerja pembersihan sisa-sisa kayu sedang giat dilakukan oleh pelbagai agensi berkaitan," katanya.

Sementara itu, Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu turut menafikan berlakunya aktiviti pembalakan haram yang didakwa menjadi punca runtuhan beberapa kawasan lereng bukit berhampiran empangan yang terletak di Jenagor, Hulu Terengganu, Ahad lalu.

Pengarahnya, Roslan Rani berkata, taklimat daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) memaklumkan situasi itu berpunca daripada gelinciran tanah sehingga menyebabkan tanah runtuh berhampiran Stesen Janakuasa Elektrik Sultan Mahmud (SJSM) di Tasik Kenyir.

"Tiada sebarang aktiviti pembalakan secara haram di sekitar Tasik Kenyir sehingga membawa impak kemusnahan yang sangat besar ketika banjir itu.



AHMAD SAMSURI



Keadaan lambakan sisa kayu yang dihanyutkan air di Tasik Kenyir sejak Isnin lalu.

"Ketika tanah runtuh berlaku juga fenomena kepala air yang turut menyebabkan banyak pokok-pokok berhampiran, sampah sarap yang lama, juga sisa kayu dahan dan ranting yang mati dihanyutkan ke dalam sungai.

"Keadaan itu menyebabkan seolah-olah berlakunya banjir puing kerana ada video yang tular di media sosial yang memaparkan ratusan kayu hanyut didakwa sebagai balak oleh orang ramai," katanya di sini pada Khamis.

Dalam pada itu, beliau turut menyangkal dakwaan sesetengah pihak termasuk netizen yang mempolemikkan maklumat itu di media sosial.

Roslan berkata, situasi berlaku di Tasik Kenyir sama dengan kejadian di Bentong, Pahang ketika bencana banjir melanda kawasan itu akhir tahun lalu

"Kita akan membuat semakan lanjut dengan mengambil gambar menggunakan dron dan koordinat yang tepat lokasi terlibat serta membuat pemetaan pelan perancangan dan tindakan lanjut yang boleh digunakan untuk kajian bagi mengenal pasti langkah-langkah yang lebih baik di kawasan terjejas," katanya.

Pada Rabu, beliau bersama Exco Pelancongan, Kebudayaan dan Teknologi Digital negeri, Ariffin Deraman serta wakil TNB meninjau situasi di Empangan Jenagor dan Tasik Kenyir.